

BHPILIH 12A 23 (emel)

Nisbah lelaki 105:100 melebihi wanita

Malaysia mempunyai 27,565,821 penduduk menurut laporan permulaan Banci 2010

Oleh Azrina Ahzan
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia kini mempunyai 27,565,821 penduduk, dengan lelaki melebihi wanita pada nisbah 105:100, demikian menurut laporan kiraan permulaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Banci 2010) yang berlangsung dari 6 Julai hingga 22 Ogos lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata penduduk lelaki kini adalah seramai 14,112,667 orang dan wanita 13,453,154 orang.

Beliau berkata, hasil bancian yang membabitkan 26,156 pembanci itu juga berjaya merekodkan sebanyak 6,396,174 isi rumah dan 7,380,865 tempat kediaman di seluruh negara.

"Maklumat awal mengenai

Banci 2010 boleh diperoleh dalam buku Laporan Kiraan Permulaan 2010 di Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya pada harga RM15 setiap satu atau menerusi laman web www.statistics.gov.my.

"Daftar maklumat yang lebih lengkap dijangka diumumkan pada Julai 2011 selepas kita selesai menganalisis dan memproses semua data," katanya pada majlis pengumuman

Laporan Kiraan Permulaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Perangkawan dan Pesuruhjaya Banci, Datuk Wan Ramlah Wan Abd Raof.

Banci 2010 adalah yang kelima dijalankan untuk menghasilkan data yang berguna bagi merancang dan melaksanakan dasar pembangunan negara.

Banci sebelum ini dijalankan pada 1970, 1980, 1991 dan 2000.

Sementara itu, Nor Mohamed berkata, Selangor mempunyai taburan penduduk tertinggi iaitu seramai 5,411,324 orang iaitu 19.63 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Katanya, negeri yang mengalami pertumbuhan penduduk paling pesat bagi tempoh 2000 hingga 2010 ialah Putra-

jaya iaitu sebanyak 17.77 peratus diikuti Selangor sebanyak 3.17 peratus.

"Pewartaan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan pada 2001 menyebabkan berlaku perpindahan ramai kakitangan kerajaan untuk mendiami kuarters yang disediakan untuk mereka dan ia dikenal pasti menjadi penyumbang utama pertumbuhan itu," katanya.